

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR MOHD HAFIZ MOHD
HANAFIAH
TIMBALAN REKTOR iCARE**

**MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2025
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**28 OGOS 2025 | KHAMIS | 8.00 PAGI
DEWAN SERBAGUNA
UITM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr Mohamad Hafiz Mamat
Timbalan Rektor Inovasi dan Penyelidikan

YBrs. Puan Alfina Bakar
Ketua Timbalan Pendaftar Kanan
Selaku Penasihat Program

YBrs. Puan Nor Azyyati Md Saad
Koordinator Komunikasi Korporat
Selaku Pengerusi Program

Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri
UiTM Cawangan Selangor

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit

Jawatankuasa Pelaksana Program

Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan, warga UiTM
Cawangan Selangor yang saya kasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM diHatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.

2. Alhamdulillah, kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh bermakna ini bagi meraikan **Majlis Sambutan Bulan Kebangsaan UiTM Cawangan Selangor 2025**, yang turut diserikan dengan acara ***UiTM Happiness Walk***.
3. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Unit Komunikasi Korporat** atas inisiatif utama menganjurkan sambutan ini, dengan kerjasama strategik daripada semua PTJ.
4. Keterlibatan staf merentas PTJ dalam menjayakan program hari ini mencerminkan kebersamaan warga UiTM Cawangan Selangor. Terima kasih kepada semua.

5. Saya percaya majlis ini bukan sekadar acara tahunan, tetapi ruang untuk kita menyemai semangat cintakan negara, menghargai pengorbanan para pejuang, serta menzahirkan rasa syukur atas nikmat keamanan dan kemerdekaan yang kita nikmati hingga kini.

Hadirin sekalian,

6. Bersempena **Tema Bulan Kebangsaan 2025, Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni**, saya mengambil kesempatan ini mengajak semua warga UCS untuk sentiasa mengamalkan sikap hormat, menjunjung nilai kemanusiaan dan memupuk keprihatinan dalam kehidupan seharian.

7. Saya difahamkan, sebagai sebahagian daripada sambutan hari ini, kita juga akan menjayakan **UiTM Happiness Walk**, yang diadakan serentak di semua

kampus cawangan.

8. Saya berharap acara ini bukan sekadar riadah, tetapi menjadi manifestasi kebersamaan, kesihatan dan kebahagiaan yang mencerminkan semangat kemerdekaan, disamping memelihara kesejahteraan fizikal, mental dan emosi serta mengeratkan hubungan kita.
9. Saya yakin, apabila kita sihat dan bahagia, kita akan lebih bersemangat untuk menyumbang kepada kecemerlangan diri, universiti, dan negara.
10. Marilah kita jadikan sambutan ini sebagai pemangkin untuk memperbaharui tekad kita dalam menyumbang kepada universiti, masyarakat, dan negara tercinta.

11. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atas kesungguhan dan komitmen yang telah dicurahkan sepanjang pelaksanaan sambutan ini.
12. Semoga usaha kita menjadi benih yang terus subur dalam menjadikan warga UCS yang lebih sihat, lebih harmoni dan lebih sejahtera.

Gunung tinggi sama didaki,
Lurah dalam sama dituruni;
Bersatu hati membawa harmoni,
Demi Malaysia dan UiTM yang kita cintai.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Sambutan Bulan Kebangsaan UiTM Cawangan Selangor 2025.**

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah

**Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**